

18 OCT 2003

OIC-ICT/I

KEMUDAHAN ICT CANGGIH LANCARKAN PERJALANAN SIDANG KEMUNCAK OIC KE-10

PUTRAJAYA, 18 Okt (Bernama) -- Penggunaan kad pintar sepanjang Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-10 yang berakhir semalam membantu melicinkan perjalanan persidangan bersejarah itu, julung kali dianjurkan oleh Malaysia.

Setiausaha Rendah (Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)) Kementerian Luar Maimon Sulaiman hari ini berkata kad pintar yang menggunakan Sistem Pendaftaran dan Akreditasi itu merupakan pencapaian terbesar pasukan pembangunan Bahagian ICT kementerian itu.

"Sistem ini memainkan peranan penting dalam menjamin keselamatan. Dua jenis kad dikeluarkan -- kad pintar dan kad konvensional untuk mereka yang terlibat dengan persidangan itu," katanya kepada Bernama di sini.

Maimon berkata mesin pengimbas kad pintar ditempatkan di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), tempat berlangsungnya sidang kemuncak itu, dan di Hotel Palace of the Golden Horses (POGH), tempat penginapan ketua-ketua negara dan kerajaan.

Bagi sidang kemuncak itu, satu jawatankuasa kecil kemudahan ICT ditubuhkan yang dianggotai wakil dari pelbagai syarikat ICT, yang menyediakan komponen bagi pemasangan infrastruktur komunikasi dan maklumat, katanya dan menurutnya persediaan bagi tujuan itu bermula pada April tahun ini.

"Antara kemudahan ICT yang dipasang ialah infrastruktur infranet bagi membolehkan sekretariat-sekretariat berkomunikasi dan intranet pula menghubungkan PCC dengan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), 12 hotel tempat penginapan perwakilan, ibu pejabat polis Bukit Aman dan Wisma Putra," kata Maimon, yang mengetai jawatankuasa itu.

Infrastruktur ICT turut membantu polis mendapatkan maklumat yang diperlukan, katanya.

"Ini merupakan kali pertama sidang kemuncak OIC dihubungkan sepenuhnya oleh Sistem Internet, dengan kerjasama Jaringan, MIMOS Smart Computing Sdn Bhd, Telecom, IBM, Cisco, Teliti dan LMS. Para perwakilan juga berpeluang menggunakan kemudahan Internet di PCC," katanya.

Sidang Kemuncak OIC, dari 11 hingga 18 Okt, bermula dengan Mesyuarat Pegawai Kanan (SOM) dan berakhir dengan mesyuarat ketua-ketua negara dan kerajaan pada Khamis dan semalam.

Sidang Kemuncak OIC kali ini menyaksikan penyertaan terbesar pemimpin-pemimpin Islam sejak serangan 11 Sept, 2001 ke atas Amerika Syarikat, dengan 33 ketua negara dan kerajaan hadir. Ia merupakan sidang kemuncak terakhir dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara pada akhir bulan ini.

-- BERNAMA

RT JK RHM